

# Peruntuk RM2.2b

Metro 19/12/12 MS 35.

>>Oleh Ardyhansah Amat  
ardyhansah@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Peruntukan Bajet 2013 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meningkat kepada RM2.188 bilion, iaitu lebih 15.3 peratus berbanding tahun sebelumnya sebanyak RM1.897 bilion.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ahmad Phesal Ismail berkata, bajet itu meliputi Peruntukan Mengurus sebanyak RM1.406 bilion manakala Peruntukan Pembangunan pula RM782.55 juta.

“Bajet DBKL 2013 ini dirangka selaras dengan Pelan Strategik DBKL yang menjadi hala tuju pengurusan dan pembangunan ke arah merealisasikan Kuala Lumpur menjadi bandar raya bertaraf dunia menjelang 2020.



INI DIA...Ahmad Phesal (tengah) menunjukkan dokumen Bajet DBKL 2013 yang diumumkan, semalam.

baik kepada warga kota. kuasa awam, pembersihan “Antaranya kebersihan bandar, pembangunan serta

program pemindahan sampah di Taman Beringin dan pelupusan sampah di pusat pelupusan sampah Bukit Tarar,” katanya.

Bagi program penghijauan dan penyelenggaraan taman rekreasi dan tanah lapang pula, DBKL memperuntukkan sebanyak RM68.2 juta bagi membiayai program penghijauan dan penyelenggaraan 19 taman awam.


Manakala sebanyak RM67.7 juta pula digunakan untuk penyediaan kemudahan serta menaik taraf taman rekreasi, pengindahan landskap, pembinaan gelanggang futsal dan padang bola di bawah peruntukan pembangunan.

DBKL memperuntukkan sebanyak RM30.2 juta bagi program kemasyarakatan, kebudayaan, sukan dan kesihatan memabatkan program khas komuniti.

## Bajet DBKL 2013 RM2,188,567,130



## Perbelanjaan pembangunan 2013 RM782,551,230



“Selari dengan Pelan Strategik Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Pelan Strategik DBKL menggariskan lima matlamat utama iaitu Bandaraya Milik Warga Kota, Kemakmuran Ekonomi, Bandaraya Saling Bersaring, Bandaraya Eko dan Bandaraya Tadbir Urus Cekap,” katanya ketika membentangkan Bajet DBKL 2013, di sini, semalam.

Menurutnya, penyediaan bajet terbaru itu juga berkonsepkan pandangan awam selepas mengambil kira idea dan cadangan warga kota dalam merangka program yang memberi impak positif secara menyeluruh.

“Bertemakan 'Kemajuan dan Kemakmuran Bandaraya Kuala Lumpur', secara dasarnya DBKL menekankan 10 aspek sebagai asas dalam memberi perkhidmatan ter-

bandar, penyelenggaraan infrastruktur jalan dan sungai, kemudahan lalu lintas, penghijauan, pengindahan taman dan rekreasi, kesihatan awam, pengubahsuaian kediaman, perumahan awam dan perumahan rakyat, kediaman mampu milik serta penjaja dan peniaga kecil.

“Sebanyak RM386.7 juta daripada peruntukan mengurus diperlukan bagi membiayai kos emolumen termasuk gaji dan bayaran elaun perkhidmatan untuk 10,123 kakitangan DBKL.

“Selain itu peruntukan elaun lebih masa bagi tahun depan juga meningkat sebanyak 19.1 peratus kepada RM55.4 juta berbanding RM46.5 juta pada 2012.

“Ini disebabkan berlaku kenaikan struktur skim gaji dan keperluan melaksanakan kerja lebih masa terutama membabitkan kerja penguat-

kerja penyelenggaraan taman dan jalan raya,” katanya.

Selain itu, menurut Ahmad Phesal, pihaknya juga akan menumpukan tiga kawasan awam utama di bandar raya ini iaitu Chow Kit, Bukit Bintang dan sekitar Jalan petaling dalam usaha program pembersihan bandar sehingga ke tahap memuaskan.

“Secara keseluruhan, DBKL memperuntukkan RM199.7 juta untuk meningkatkan tahap kebersihan dalam bandar. Ia merangkumi peruntukan untuk bayaran kontrak pembersihan (RM127.7 juta) dan pembersihan siar kaji (RM7.3 juta) yang turut mengambil kira kerja pemungutan sampah, penambahan bekalan tong sampah serta pembersihan jalan dan longkang.

“Selain itu, sebanyak RM63 juta diperuntukkan untuk



## Serah tugas

Superintendan Fadil Marsus (kiri) mengambil alih tugas Timbalan Ketua Polis Daerah Petaling Jaya (Operasi) yang sebelum ini dipangku Superintendan Tuah Masrom (kanan) sambil diperhatikan Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Arjunaidi Mohamed, semalam.